

31/01/2003

Malaysia nafi tembak tentera Indonesia

KUALA LUMPUR: Malaysia menolak dakwaan konon pasukan keselamatan yang mengawal Pulau Sipadan dan Ligitan pernah menembak ke arah anggota tentera

Indonesia kerana berada terlalu hampir dengan pulau itu ketika ia masih menjadi pertikaian kedua-dua negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, menyifatkan laporan akhbar Singapura, Straits Times yang mendakwa kejadian itu pernah berlaku sebagai pembbohongan dan laporan tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, walaupun kes Ligitan dan Sipadan menjadi pertikaian sebelum Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan Malaysia mempunyai

hak kedaulatan terhadap kedua-dua pulau itu Disember tahun lalu, pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia menguruskan semuanya dengan baik.

"Saya sudah tanya pegawai tentera pagi tadi dan mereka kata kejadian (menembak tentera Indonesia) tidak pernah berlaku. Kita tidak pernah membuat sesuatu yang menimbulkan ketegangan dengan mana-mana pihak, jauh sekali dengan Indonesia.

"Jadi saya anggap laporan itu tidak benar dan tidak bertanggungjawab sama sekali," katanya selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini semalam.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata demikian mengulas laporan Straits Times yang cuba melagakan Malaysia dan Indonesia dengan mendakwa kononnya negara bertindak kasar terhadap Indonesia, termasuk melepaskan tembakan amaran kepada tentera negara itu bagi mengukuhkan tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan.

Akhbar itu juga mendakwa pihak Indonesia mempertikaikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ahad lalu bahawa Malaysia tidak bertindak kasar sebagaimana Singapura berhubung isu Pulau Batu Putih.

Laporan dari Jakarta yang kononnya memetik sumber risikan Indonesia itu

mendakwa pihak berkuasa Malaysia menyusahkan rakyat Indonesia yang melawat

pulau berkenaan dan pernah menembak ke arah anggota tentera Indonesia kerana berada terlalu hampir dengan pulau itu.

Ia juga memetik sumber lain sebagai berkata, ketegangan Malaysia-Indonesia meningkat pada pertengahan 1990-an apabila tentera laut kedua-dua negara memperhebatkan rondaan di kawasan itu bagi memperkukuhkan tuntutan masing-masing.

Najib berkata, hubungan tentera Malaysia dan Indonesia tidak pernah terjejas akibat pertikaian dua pulau berkenaan dan masih berjalan baik sehingga hari ini.

Katanya, Malaysia dan Indonesia menyelesaikan pertikaian dua pulau berkenaan dengan baik tanpa sebarang insiden tidak diinginkan sehingga kes diputuskan ICJ Disember lalu.